

## Pandangan Dunia dan Konteks Upacara dalam Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut

### World View and Ritual Context in Sumazau Penampang, Sazau Papar and Sumazau Paina Membakut

LOW KOK ON & SRI NINGSIH

#### ABSTRAK

*Secara turun-temurun, kepercayaan terhadap pelbagai semangat baik dan semangat jahat sangat mempengaruhi pandangan dunia (world view) dan kepercayaan etnik Kadazan di Sabah. Pandangan dunia mereka berkonsepkan keharmonian antara alam ghaib dan alam nyata. Daripada pandangan dunia yang sedemikianlah timbulnya konsep ahasu (panas) dan osogit (sejuk). Keadaan ahasu, yang dipercayai sebagai punca kepada penyakit dan masalah lain yang timbul dalam komuniti Kadazan harus disejukkan melalui pelbagai ritual. Kajian ini berasaskan kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung terhadap persembahan ketiga-tiga jenis tarian rakyat etnik Kadazan yang telah dikaji. Kajian ini mendapati Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut berkait rapat dengan pandangan dunia dan ritual yang dikendalikan oleh bobohizan (pakar upacara etnik Kadazan). Semasa bobohizan mengendalikan sesuatu ritual, tubuhnya akan bergerak-gerak dalam keadaan yang dikenali sebagai menurun. Perbuatan bobohizan sedemikian dikenali sebagai "sumazau", yang bermaksud menari. Tarian sedemikian dianggap suci kerana etnik Kadazan percaya bahawa pada ketika ini, bobohizan sedang dipimpin oleh semangat dari alam ghaib. Fokus analisis dalam tulisan ini tertumpu kepada makna simbolik di sebalik persembahan ketiga-tiga jenis tarian rakyat etnik Kadazan. Selain itu, kaitan antara tarian, pandangan dunia dan kepercayaan turun-temurun etnik Kadazan turut dibincang. Dengan berbuat demikian, tulisan ini menonjolkan tarian rakyat etnik Kadazan dari segi simbolisme dalam upacara yang tidak banyak dikaji orang.*

*Kata kunci: Sumazau Penampang; Sazau Papar; Sumazau Paina Membakut; pandangan dunia; ritual*

#### ABSTRACT

*For generations, a belief in various benevolent and malevolent spirits have shaped the world view and beliefs of the Kadazans in Sabah. Their world view is based on an idea of harmony that exists between the spiritual and the human world, resulting in the related concepts of, for example, ahasu (hot) and osogit (cool) elements. The ahasu stage is believed to cause illness and even community crises and can only be countered by a process of tempering or 'cooling off' during ritual ceremonies conducted by the bobohizan (a ritual specialist). The Sumazau Penampang, Sazau Papar and Sumazau Paina Membakut dances are closely connected to these concepts; linked to the ritual ceremonies conducted by the bobohizan. When the bobohizan is in a state of trance, her body will sway in a movement known as "sumazau", literally meaning "dancing" in the Kadazan language. Her dances are considered sacred because the Kadazans believe that the bobohizan is dancing under the influence of the spirits. This study analyzes the embedded symbolic meanings of the dances performed during the bobohizan's ritual ceremonies by means of in-depth interviews, focus group interviews and observation. The inter-relationship of the dances with the Kadazan's world view and traditional beliefs will also be explored. In doing so, this article highlights an under researched area of Kadazan traditional dance, symbolism and ritual.*

*Keywords: Sumazau Penampang; Sazau Papar; Sumazau Paina Membakut; world view; ritual*


#### PENGENALAN

Berdasarkan tinjauan awal yang telah dijalankan di beberapa buah kampung di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut pada awal tahun 2011, informan keturunan etnik Kadazan memberitahu bahawa *bobohizan* (pakar upacara) akan *sumazau* (menari) ketika

mereka mengendalikan sesuatu upacara. Selain Daerah Penampang, kajian secara khusus terhadap perkaitan antara tarian rakyat etnik Kadazan dengan upacara turun-temurun mereka di Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut didapati belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji sehingga kini. Antara beberapa kajian lepas yang berkait dengan tulisan ini telah diterbitkan

oleh Ismail Abbas dan Shaong (1984), Noor Aina Dani (1999), Hanafi Hussin (2003, 2006, 2007 & 2008) dan Pugh-Kitingan et al. (2011).

Atas sebab majoriti etnik Kadazan di ketiga-tiga daerah kajian ini telah memeluk agama seperti Kristian (dianggarkan kira-kira 60%) dan Islam (dianggarkan kira-kira 30%), maka mereka tidak lagi melibatkan diri dalam sebarang ritual, yang ternyata bercanggah dengan amalan dan ajaran agama baharu mereka. Bilangan *bobohizan* (pakar upacara) yang masih tinggal pada masa kini di ketiga-tiga daerah kajian ini turut boleh dibilang dengan jari serta lanjut usianya (Lasimbang 2002), maka boleh dijangkakan ritual turun-temurun etnik Kadazan akan lenyap bersama pemergian *bobohizan* tua pada suatu hari nanti. Oleh itu, usaha mendokumentasi maklumat lisan daripada mulut informan berkenaan konteks persembahan tarian rakyat serta mendalami perkaitannya dengan pandangan dunia dan upacara turun-temurun etnik Kadazan adalah penting bagi mengabadikan satu daripada tradisi rakyat mereka.



PETA SABAH 1. Daerah Penampang (Merah Jambu), Daerah Papar (Merah) dan Daerah Kecil Membakut (Ungu)  
(Ihsan daripada Dwi Kristiyanto)

Dalam kajian ini, kerja lapangan menemu bual informan keturunan etnik Kadazan di beberapa buah kampung yang terletak di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut antara pertengahan tahun 2011 hingga pertengahan tahun 2012 (Peta Sabah 1) telah dijalankan. Maklumat terperinci berkenaan informan yang telah ditemu bual disenaraikan dalam Lampiran 1. Dari segi analisis, tumpuan akan diberikan terhadap hubungan antara tarian rakyat dalam konteks pandangan dunia dan upacara etnik Kadazan di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut. Makna simbolik di sebalik persembahan *sumazau* dalam sesuatu upacara dan kaitannya dengan pandangan dunia dan kepercayaan turun-temurun etnik Kadazan turut akan dikupas. Analisis dan interpretasi yang bakal dibuat ke atas data hasil kerja lapangan dalam tulisan ini boleh diertikan sebagai satu proses perpindahan data

dari lapangan ke dalam bentuk laporan dan seterusnya kepada pembaca.

#### ETNIK KADAZAN, SAZAU DAN SUMAZAU

Etnik Kadazan adalah salah satu rumpun etnik peribumi Sabah yang tergolong sebagai penutur bahasa Dusunik (*Dusunik*). Sejak dari dahulu sampai masa kini, kebanyakan antara mereka tinggal di Daerah Penampang, Daerah Papar dan di Daerah Kecil Membakut (Peta Sabah 1). Ketika Sabah di bawah pentadbiran British North Borneo (Chartered) Company pada akhir kurun ke-19, istilah Kadazan tidak ditemui dalam banci penduduk rasmi kerajaan (Toru Ueda 2006). Pada masa dahulu, semua penutur bahasa Dusunik di Sabah dikategorikan sebagai rumpun Dusun sahaja. Istilah Kadazan muncul terkemudian. Jika diamati, penggunaan istilah "Kadazan" mula disarankan oleh Donald Stephen, iaitu pemimpin United National Kadazan Organization (UNKO) pada tahun 1961. Bagi beliau dan penyokongnya yang tinggal di sekitar Daerah Penampang, Putatan dan Papar (Bahagian Pantai Barat Selatan Sabah), kata "dusun" dalam bahasa Melayu yang bermaksud "kebun" membawa konotasi negatif. Donald Stephens dan penyokongnya menyatakan bahawa kata "kadazan" bermaksud "orang kita" (our people). Reid (1997) pula melaporkannya kata "kadazan" mungkin berasal daripada kata *kakaadazan* yang bermaksud "pekan".

UNKO telah menganjurkan satu persidangan pada bulan Ogos 1961, yang dihadiri oleh 25 orang wakil keturunan Kadazan dan Dusun, untuk mencapai kata putus sama ada panggilan "Dusun" atau "Kadazan" harus digunakan bagi mewakili semua etnik Kadazan dan Dusun. Dalam persidangan tersebut, panggilan Kadazan diluluskan dengan undi terbanyak. Akan tetapi, isu ini tidak berhenti setakat selepas persidangan yang dianjurkan oleh UNKO. Terdapat enam orang wakil yang mewakili Daerah Ranau, Tuaran, Kiulu dan tiga lagi kawasan lain tidak berpuas hati dengan keputusan undi dalam persidangan yang dianjurkan oleh UNKO. Mereka berpendapat bahawa majoriti wakil dalam persidangan itu terdiri daripada penyokong Donald Stephen yang datang dari Penampang dan Papar.

Ekoran daripada perkembangan Persidangan UNKO 1961, mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusannya telah menubuhkan satu pertubuhan baru yang dikenali sebagai United Sabah Dusun Association (USDA) pada tahun 1967 (Reid 1997). Dengan itu sehingga tahun-tahun 1980-an, persatuan kebudayaan orang Kadazandusun dibahagikan kepada dua, iaitu Kadazan Cultural Association (KCA) dan USDA. Keadaan sedemikian berlanjutan sehingga tahun 1989 apabila Presiden KCA pada masa itu, yakni Datuk Joseph Pairin Kitingan mengumumkan bahawa KCA akan bertukar nama kepada Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA). Pairin sendiri mengatakan bahawa mereka ingin menegaskan bahawa semua etnik dan subetnik Kadazan

dan Dusun adalah satu rumpun yang sama (Reid 1997). Pada 24 Januari 1995, buat kali pertama wakil-wakil USDA dan KDCA yang bermesyuarat mencapai keputusan bahawa rumpun mereka dikenali sebagai Kadazandusun, dan bahasa yang digunakan oleh mereka juga dikenali sebagai bahasa Kadazandusun.

Dalam bahasa Kadazandusun, kata *sazau* bererti “tarian” dan kata *sumazau* bererti “menari” manakala kata *susumazau* pula bermaksud “penari”. Jika diteliti, terdapat banyak kata dalam bahasa Kadazandusun lain yang berkait dengan perbuatan menari seperti *kasasaazau* (baru sahaja menari), *kasazau* (dapat menari), *kopisazau* (boleh menari bersama), *nakasazau* (menari bersama-sama dengan), *nokopisazau* (telah menari bersama-sama dengan) dan *sansazau-sazau* (semua sedang menari-nari) (Kamus Kadazan Dusun Malay-English 1995). Dapat diperhatikan bahawa kata-kata ini semuanya berasal daripada kata akar “sazau” belaka.

Pada masa ini, tarian rakyat popular etnik Kadazan di Daerah Penampang dikenali sebagai Sumazau Penampang, di Daerah Kecil Membakut dikenali sebagai Sumazau Paina Membakut dan di Daerah Papar dikenali sebagai Sazau Papar. Jika diteliti, ketiga-tiga jenis tarian rakyat ini mempunyai beberapa ciri persamaan, yang membolehkan kita menggolongkannya dalam satu rumpun tarian etnik Kadazan yang sama. Dari segi ragam gerak seperti enjutan kaki dan hayungan tangan ke depan dan ke belakang bagi penari di ketiga-tiga daerah ini adalah sama sahaja. Gaya *mengambai* (mengangkat dan membuka kedua-dua belah tangan) bagi Sumazau Penampang dan Sazau Papar ada seperti burung layang-layang yang sedang terbang manakala bagi Sumazau Paina Membakut pula mirip kepada seekor burung helang yang sedang terbang. Ragam gerak sedemikian tidak ditemui dalam tarian tradisional etnik Kadazandusun lain. Satu lagi ragam gerak bagi ketiga-tiga tarian rakyat ini adalah penari lelaki dan perempuan akan membentuk bulatan secara berselang-seli. Ragam gerak *mengambai* (Gambar 1) dan pembentukan bulatan secara berselang-seli (Gambar 2) merupakan dua ciri khusus yang ada pada ketiga-tiga jenis tarian rakyat etnik Kadazan ini.



GAMBAR 1. Gaya *Mengambai* Sumazau yang Menyerupai Burung Layang-Layang

Sumber: Penulis



GAMBAR 2. Pola Lantai Sumazau Penampang Berbentuk Bulatan Secara Berselang-seli di Antara Penari Lelaki dan Penari Wanita

Sumber: Penulis

Pada kebiasaannya, ketiga-tiga jenis Sumazau ini ditarikan dengan iringan paluan gong dan gendang, dan ada kalanya disertai dengan kulintangan dan canang. Lumrahnya, enam buah gong yang berlainan saiz bersama sebuah gendang akan digunakan. Tempoh dan rentak paluan gong Sumazau adalah berbeza-beza mengikut daerah juga. Walaupun terdapat perbezaan panggilan bagi tarian Sumazau di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah kecil Membakut sebagaimana yang penulis sebutkan sebelum ini, namun ketiga-tiga istilah seperti Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut turut diguna pakai oleh penduduk tempatan di Sabah. Jadi, dapat kita katakan di sini bahawa Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut adalah tarian rakyat serumpun. Perbezaan panggilan dan beberapa ciri lain dalam ketiga-tiga jenis tarian rakyat ini adalah disebabkan oleh faktor perpindahan geografi antara ketiga-tiga etnik Kadazan ini.

#### KEPERCAYAAN TURUN-TEMURUN ETNIK KADAZAN

Seperti etnik Kadazandusun lain, etnik Kadazan di ketiga-tiga daerah kajian ini berpegang kepada kepercayaan yang bercirikan animisme. Pengkaji seperti Williams (1965), Evans (1953), Hanafi Hussin (2007), Mat Zin Mat Kib (2003) dan banyak lagi pengkaji lain melaporkan bahawa orang Kadazandusun percaya akan berbagai-bagai jenis semangat baik dan semangat jahat, yang dipercayai menghuni di alam ghaib.

*Bambarayon* (semangat padi), *divato* (semangat pembantu *bobohizan*) dan *rogon* (semangat jahat) secara umumnya ialah antara tiga jenis semangat yang mempengaruhi kehidupan etnik Kadazan (Hurlbut 1986). Antaranya, *bambarayon* adalah salah satu semangat baik yang memperoleh perhatian yang khusus daripada etnik Kadazan kerana beras ialah makanan ruji mereka. Jika

diamati, terdapat beberapa jenis *bambarayon* dalam kepercayaan orang Kadazandusun yang dipercayai berperanan menjaga pohon padi sejak dari peringkat kecil sehinggalah pohon padi berbuah dengan lebat. Terdapat mitos Kadazandusun yang mengisahkan *bambarayon* berasal daripada darah anak perempuan Kinoingan (Pencipta Kadazandusun) yang telah dikorbankan kerana manusia yang diciptanya pada suatu masa dahulu sedang dalam kebuluran (Topin 1981). Oleh itu, etnik Kadazan percaya bahawa *bambarayon* yang berasal daripada darah Huminudon itu suci dan harus dihormati agar hasil padi mereka sentiasa lumayan.

Sehubungan kepercayaan terhadap semangat padi, Noor Aina Dani (1999) dalam kajiannya mencatatkan bahawa pemujaan semangat padi merupakan kuasa simbolik yang tidak empiris. Pemujaan merupakan hasil ciptaan fikiran manusia, tetapi tindakan ini menjadi unsur yang kuat dalam hal ehwal manusia dan boleh dikatakan telah dipersonifikasikan. Semangat padi dianggap bukan manusia dan diberi darjat yang tinggi. Hal ini bermakna, masyarakat Kadazan masa silam menjalin satu perhubungan dengan semangat padi tetapi sempadan yang tepat tidak dapat ditentukan dengan jelas. Dapatlah diandaikan bahawa dengan melakukan upacara pemujaan semangat padi, manusia akan memuaskan semangat itu. Sebagai balasan, semangat tersebut akan melindungi padi mereka.

Seterusnya, mitos Kadazandusun turut mengisahkan bahawa semangat jahat atau *rogon* pada asalnya adalah anak Kinoingan, iaitu Rogon yang dihantar turun ke bumi. Malang sekali, setibanya di bumi Rogon mengingkari perintah bapanya dan mempengaruhi manusia melakukan kejahatan (Jihek Haji Basanu 1987). Kisah mitos Rogon ini berkait dengan kepercayaan orang Kadazandusun pada masa ini terhadap *rogon*, yang dianggap oleh mereka sebagai semangat jahat. Oleh itu, segala penyakit dan hal-hal yang tidak diinginkan dikaitkan oleh orang Kadazandusun sebagai angkara *rogon*. *Divato* atau semangat baik lain pada umumnya adalah pembantu *bobohizan* (pakar upacara) bagi mengubati penyakit dan masalah rohani lain orang Kadazandusun. Hurlbut (1986) dalam kajiannya melaporkan bahawa dalam kepercayaan etnik Kadazan di kawasan Labuk Kinabatangan, *Tangkvit* ialah ketua *divato* diikuti dengan tiga lagi *divato* lain, iaitu *Komburongo*, *Manalakon Boboron* dan *Urajon*. Kesemua antara mereka ialah pembantu *bobohizan* dalam upacara mengubati penyakit. Berdasarkan maklumat yang penulis perolehi daripada informan etnik Kadazan, mereka turut percaya bahawa di alam sekeliling didiami berbagai-bagai jenis semangat lain. Tidak kira di batu besar, sesetengah jenis pokok (khususnya pohon *nunuk* - pohon beringin), besut, paya, hutan dan banyak lagi tempat lain ada dihuni semangat. Malah di dalam rumah turut didiami pelbagai jenis semangat lain. Jika semangat berkenaan tersinggung atas perbuatan seseorang individu yang dianggap tidak menghormatinya, maka ia akan menyebabkan orang berkenaan sakit atau ditimpa malang.

Selain itu, etnik Kadazan mempunyai pandangan dunia (*world view*) yang menekankan keseimbangan dan keharmonian antara alam nyata manusia dengan alam ghaib. Segala tindakan kurang sopan yang menjejaskan keseimbangan dunia nyata dan alam ghaib, sama ada secara sengaja atau tidak akan menyebabkan seseorang individu, keluarganya atau seluruh komuniti jatuh sakit atau ditimpa sial (Lasimbang 2002). Oleh hal yang demikian, etnik Kadazan yang berpegang kepada kepercayaan turun-temurun dan pandangan dunia sedemikian mengadakan berbagai-bagai jenis upacara bagi mengimbangi dunia fizikal dan dunia rohani. Dalam berbuat demikian, mereka memerlukan bantuan *bobohizan* (pakar upacara) sebagai pengantara perhubungan mereka dengan pelbagai semangat di alam ghaib.

Informan dalam kajian ini memberitahu bahawa majoriti *bobohizan* etnik Kadazan terdiri daripada kaum wanita. Terdapat juga *bobohizan* lelaki yang peranannya menjadi pembantu *bobohizan* wanita dalam mengendalikan sesuatu upacara. Namun *Bohungkitas*, iaitu Ketua *Bobohizan* etnik Kadazan terdiri daripada kaum wanita yang berumur jua. Beberapa orang informan memberitahu penulis bahawa Suminundu, iaitu pasangan kepada Kinoingan (Pencipta Kadazandusun) yang mengajar kaum wanita ilmu *bobohizan*. Phelan (2005) turut melaporkan kisah asal usul *bobohizan* yang menceritakan pada suatu masa dahulu terdapat seorang wanita bertemu dengan roh tertentu. Roh berkenaan telah mengajarnya segala ilmu *bobohizan*. Oleh sebab itu, majoriti *bobohizan* pada masa kini terdiri daripada kaum wanita. *Bobohizan* etnik Kadazan memerlukan satu tempoh latihan ritual yang panjang. Beberapa orang informan dalam kajian ini memberitahu bahawa tempoh latihan *bobohizan* adalah selama beberapa tahun, bergantung kepada kepintaran seseorang pelatih. Mereka perlu menghafal banyak sekali *rinait* (puisi ritual) yang diperlukan mengikut konteks upacara dan segala ilmu *bobohizan* lain.

Berdasarkan kepercayaan terhadap berbagai-bagai jenis semangat, pandangan dunia dan upacara yang dikendalikan oleh *bobohizan* etnik Kadazan inilah penulis akan memberikan tumpuan kepada kaitan antara pandangan dunia dan upacara dengan tarian rakyat etnik Kadazan di Daerah Penampang, Daerah Papar dan Daerah Kecil Membakut.

#### SUMAZAU DALAM KONTEKS RITUAL DI PENAMPANG

Beberapa orang informan di Daerah Penampang memberitahu bahawa *sumazau* dapat diperhatikan dalam banyak sekali upacara. Atas sebab pada masa sekarang etnik Kadazan telah menganut agama Kristian (majoriti) dan Islam (minoriti), maka banyak upacara yang berkait dengan kepercayaan dan pandangan dunia turun-temurun

tidak lagi diamalkan oleh mereka. Informan dalam kajian ini menjelaskan bahawa keharmonian dan perdamaian antara alam nyata dan alam ghaib berkait rapat dengan konsep “panas” (*ahasu*) dan “sejuk” (*osogit*). Jika keseimbangan antara manusia yang hidup di alam nyata dengan semangat yang dipercayai berada di alam ghaib terjejas maka terjadilah keadaan panas yang akan menyebabkan mereka berhadapan dengan pelbagai masalah seperti jatuh sakit, hasil tanaman terjejas dan banyak lagi masalah lain. Bagi meredakan keadaan panas atau mengimbangi alam manusia dan alam ghaib maka sesuatu upacara khusus diperlukan. Oleh itu, pelbagai upacara telah dijadualkan oleh etnik Kadazan sepanjang tahun dengan tujuan mengimbangi hubungan antara manusia dan semangat di alam ghaib. Tumpuan perbincangan seterusnya adalah hubungan antara *sazau* (tarian) dalam beberapa upacara Kadazan terpilih.

Pertama, menurut Hanafi Hussin (2003) dan beberapa orang informan di Penampang, seseorang *bobohizan* akan menari (*sumazau*) dalam segmen upacara *Mamudivato*. Tujuan upacara ini adalah menjemput semangat pembantu *bobohizan* yang dipercayai tinggal di *savat* (atas langit) bagi membantunya dalam sesuatu ritual. Hal ini berkait rapat dengan kepercayaan etnik Kadazan bahawa semangat baik tinggal di kawasan langit dan akan membantu manusia ketika mereka dijemput melalui ritual.

Dalam segmen upacara ini, terlebih dahulu *bobohizan* akan memakai pakaian tradisional lengkap mereka. Upacara ini dimulakan dengan pembacaan *rinait* atau *inait* (puisi upacara) antara *Bohungkitas* (Ketua *Bobohizan*) dan pembantunya. Sajian turut dihidangkan kepada semangat yang menjadi fokus upacara. Ketika upacara berlangsung, *bobohizan* dipercayai telah berkomunikasi dengan *divato* (semangat baik) dalam keadaan menurun. Seterusnya, ayam dan khinzir akan dikorbankan. Perkara penting yang dapat kita perhatikan di sini adalah *bobohizan* yang dalam keadaan menurun akan bergoyang-goyang dan bergerak-gerak dari satu posisi ke satu posisi lain. Perbuatan sedemikian menyebabkan mereka kelihatan sedang menari. Dalam konteks sedemikian, *sumazau bobohizan* telah mengesahkan kehadiran semangat pembantu dalam segmen Upacara *Mamudivato*. Hal ini berhubung rapat dengan kepercayaan etnik Kadazan bahawa kesemua ciptaan di alam nyata dan alam ghaib dapat saling berinteraksi. Dengan kata lain, *sumazau* yang ditarikan oleh *bobohizan* dalam segmen upacara ini adalah lambang interaksi antara manusia (*bobohizan*) dengan *divato* (semangat pembantu *bobohizan*).

Paluan gong dan gendang yang mengiringi upacara ini turut menandakan interaksi antara manusia dan semangat di alam ghaib. Paluan gendang sebagai contoh memainkan peranan penting dalam pelbagai upacara etnik Kadazan kerana gendang dipercayai mempunyai semangat yang dikenali sebagai *Dahau*. Semangat gendang ini dipercayai dapat membangunkan makhluk-makhluk di alam ghaib. Setiap paluan gendang

yang dilakukan oleh pakar upacara, iaitu *bobohizan* akan diiringi dengan bacaan *rinait* (puisi ritual) bagi tujuan menjemput sekalian semangat agar menyertai dan menikmati sajian yang dihidangkan untuk mereka (Hanafi Hussin 2003). Dengan kata lain, paluan gong, gendang dan *rinait* yang dilafazkan oleh *bobohizan* berperanan sebagai medium penghubung antara manusia dengan semangat di alam ghaib. Tanpa kedua-dua unsur penting ini, sesuatu upacara boleh dikatakan tidak dapat dijalankan.

Dengan berlangsungnya upacara menghidang jamuan yang pelbagai bentuk seperti ayam bakar, khinzir, *tapai*, *bahar* dan *lihing* (tiga jenis minuman keras tradisional) menunjukkan bahawa manusia inginkan perdamaian dengan semangat. Simbolik sajian kepada semangat dilihat kepada *bobohizan*, yang makan dan minum sebahagian daripada sajian tersebut. Perbuatan ini menunjukkan seolah-olah sajian yang dihidangkan dimakan oleh semangat yang tidak boleh dilihat dengan pandangan mata kasar.

*Bobohizan* Penampang turut *sumazau* dalam beberapa upacara lain yang dianggap oleh etnik Kadazan sebagai upacara turun-temurun mereka bagi mencapai beberapa tujuan khas. Upacara-upacara yang dipilih bagi tujuan perbincangan seterusnya ialah Upacara *Moginakan*, Upacara *Magang* dan Upacara *Monogit*. Menurut Ismail Abbas dan Shaong (1984), Upacara *Moginakan*, yang bermaksud “makan besar” diadakan bagi menyatakan rasa kesyukuran dan penghargaan kepada semangat penjaga keselamatan yang dipercayai telah memberikan rezeki kepada mereka. Dalam penelitian kami, kisah asal usul Upacara *Moginakan* ditemui dalam mitos etnik Kadazan yang mengisahkan pengorbanan anak perempuan Kinoingan (Pencipta) oleh ibunya. Akhirnya tubuh anak perempuan Kinoingan menjadi segala tumbuhan yang boleh dimakan oleh manusia ciptaannya. Ketika Kinoingan berniat menghapuskan segala tumbuh-tumbuhan yang terjadi daripada tubuh anak perempuannya, Baginda terdengar suara anaknya yang meminta Baginda agar mengadakan pelbagai upacara untuknya, termasuk semangat-semangat lain yang berada di situ (Hanafi Hussin 2007). Selain itu, upacara ini bertujuan meminta semangat penjaga tanam-tanaman agar tanaman mereka subur dan hasilnya lumayan kelak. Bagi memeriahkan lagi majlis jamuan makan, maka tarian Sumazau ditarikan. Dalam sesi menari Sumazau, tetamu lelaki dan perempuan digalakkan menari bersama secara beramai-ramai diiringi rentak paluan gong dan gendang. Dalam konteks ini, walaupun Sumazau bukanlah sebahagian daripada upacara *Moginakan* dan kelihatan berfungsi memeriahkan suasana jamuan makan, namun sesi Sumazau yang sedemikian adalah pelengkap kepada upacara ini. Menari beramai-ramai selepas Upacara *Moginakan* melambangkan rasa kesyukuran dan kegembiraan. Terdapat etnik Kadazan yang percaya bahawa dalam suasana yang riang dan gembira inilah semangat penjaga tanam-tanaman turut

bergembira bersama-sama mereka. Secara simboliknya, ketika manusia kenyang dan bergembira, pada ketika itulah semangat di alam ghaib turut bergembira bersama-sama mereka.

Upacara *Magang* pula diadakan semasa sesebuah keluarga berpindah ke rumah baharu, terutama sekali bagi keluarga yang menyimpan tengkorak manusia yang dipercayai mempunyai semangat tertentu. Upacara *Magang* sebenarnya berkait rapat dengan adat memburu kepala manusia (*head-hunting*) yang dikenali sebagai “mengayau” atau “mengait” kepala di Sabah. Rutter (1929) dalam kajiannya menjelaskan bahawa memperoleh kepala pertama melambangkan seseorang pemuda telah menjadi dewasa dalam kalangan beberapa peribumi di Borneo dan melayakannya memakai *tattoo* di tubuhnya. Dengan berbuat demikian, orang berkenaan juga dianggap sebagai pahlawan dan dapat berkahwin dengan pemudi pilihannya. Tambahannya pula, dalam kepercayaan pengait kepala, roh manusia yang dibunuh itu akan menjadi hambanya ketika ia meninggal dunia kelak. Namun menurut informan Penampang dalam kajian ini, tengkorak yang disimpan dalam rumahnya adalah hasil daripada pencuri dan penceroboh kampung yang telah dibunuh oleh wira mereka, yang dikenali sebagai Monsopiad. Tengkorak sedemikian turut dipercayai mempunyai kuasa ajaib bagi mengubati beberapa jenis penyakit dan melindungi keluarga yang memilikinya.

Upacara ini bermula dengan pemindahan tengkorak manusia dari rumah lama ke rumah baharu. Pemindahan ini dilakukan melalui pelbagai segmen upacara yang dilakukan oleh *bobohizan* selama tujuh hari. Phelan (2001) dalam kajian kesnya atas Upacara *Magang* yang dikendalikan di rumah Dousia Moujing (salah seorang informan dalam kajian ini) dari 4 hingga 10 Mei 1974, melaporkan bahawa upacara ini bertujuan memindahkan empat puluh dua biji tengkorak hasil daripada kegiatan mengait kepala nenek moyangnya pada masa dahulu. Berdasarkan kajian kes Phelan (2001) dan maklumat yang penulis perolehi daripada informan, tumpuan perbincangan seterusnya adalah berkenaan perbuatan *bobohizan* menari dalam beberapa segmen Upacara *Magang*.

Pada hari pertama, segmen upacara pemberian sajian kepada semangat rumah yang dikenali sebagai *miotong* diadakan. Semasa upacara ini berlangsung, dua orang *bobohizan* yang dalam keadaan menurun kelihatan sedang *sumazau*. Terdapat informan yang memanggil tarian ini sebagai tarian *Miotong* kerana mereka percaya bahawa dalam keadaan inilah semangat *Miotong* sedang mengawal gerak-geri *bobohizan*. Selepas pemberian sajian kepada *miotong* selesai, tetamu lain akan turut menari diiringi dengan paluan gendang dan gong sepanjang malam.

Upacara memindah tengkorak dari tempat lama dijalankan pada hari kedua. Dalam segmen upacara ini, dua orang lelaki akan mengusung tengkorak yang tergantung di batang buluh. Sambil diiringi oleh

barisan *bobohizan* yang melafazkan *rinait*, kedua-dua orang pengusung tengkorak akan menuju ke rumah baharu. Ketika tengkorak diusung naik ke atas tangga rumah baharu, paluan gong kedengaran dan kedua-dua pengusung tengkorak kelihatan sedang *sumazau* mengikut rentak gong yang khusus. Pada ketika ini, tetamu yang berada di dalam rumah turut menarikan *Sumazau*. Dalam keadaan ini, perlafazan *rinait* akan diteruskan oleh *bobohizan*. Pada sebelah petang, persembahan tarian yang dikenali sebagai *Mingku 'ung* diadakan. Dalam tarian ini, kira-kira lapan orang lelaki akan membentuk satu bulatan dengan memegang bahu antara satu sama lain. Mereka akan menari mengikut rentak paluan gong. Sedang mereka menari-nari dalam bentuk bulatan, terdapat tetamu lelaki dari luar bulatan yang akan cuba melompat masuk ke dalam bulatan namun para penari akan cuba menghalangnya. Lumrahnya terdapat dalam kalangan tetamu yang dapat melompat masuk ke dalam bulatan penari namun ada antara mereka yang gagal berbuat demikian. Menurut informan, *Mingku 'ung* hanya dipersembahkan dalam upacara *Magang*. Selepas persembahan *Mingku 'ung*, tetamu yang hadir akan menarikan *Sumazau* sepanjang petang sambil menikmati sajian tradisional yang disediakan oleh tuan rumah. Sayang sekali, tiada informan yang dapat menjelaskan simbolik tarian *Mingku 'ung* ini.

Segmen Upacara *Magang* pada hari ketiga adalah mengorbankan seekor khinzir dan darahnya akan dituang di batu besar yang dikenali sebagai *menhir*. *Menhir*, yang biasanya didirikan berdekatan dengan kampung etnik Kadazan ialah tempat tergantungnya tengkorak baharu yang diperolehi seseorang pengait kepala pada masa silam. Dalam kepercayaan etnik Kadazan, terdapat pelbagai semangat yang menghuni di sini. Selepas selesainya upacara di *menhir* pada siang hari, pembacaan *rinait* oleh *bobohizan* berlangsung di tempat tuan rumah sepanjang malam. Paluan gong dan sesi *Sumazau* turut berlangsung sehingga larut malam.

Pada pagi hari keempat tibalah masa bagi pengamal upacara meletakkan tengkorak di bahagian atas rumah baharu. Ketika upacara mengusung tengkorak yang sudah dipindah ke batang buluh baharu, empat orang lelaki dan empat orang wanita akan mula menarikan *Sumazau*. Sejurus selepas itu, Ketua *Bobohizan* yang memegang sebilah pedang mula menari. Gaya gerak-gerinya menyerupai orang yang sedang memburu kepala manusia. Pada ketika ini, tetamu di sekeliling percaya bahawa Ketua *Bobohizan* sedang dalam keadaan menurun. Sesi tarian yang kelihatan bertenaga ini akan berhenti sejurus selepas Ketua *Bobohizan* berhenti dan duduk dalam kepenatan.

Tiada apa-apa segmen upacara istimewa yang berlaku pada hari ke-5 hingga hari ke-7 melainkan jamuan makan dan minum tapai dalam kalangan tetamu tuan rumah berterusan. Dalam sepanjang tiga hari ini, sesi *Sumazau* beramai-ramai dalam kalangan tetamu akan berterusan sepanjang malam. Demikianlah satu

daripada upacara turun-temurun etnik Kadazan yang dikendalikan secara besar-besaran. Dalam upacara ini, peranan *sumazau* didapati begitu menonjol dan signifikan sekali. Tarian *ritual* sebegini ditarikan dalam pelbagai bentuk mengikut segmen upacara tertentu. Dalam segmen upacara memberikan sajian kepada semangat rumah, *sumazau Miotong* ditarikan; dalam segmen upacara meletakkan tengkorak di tempat yang khas di rumah baharu, *sumazau* yang mirip kepada orang sedang mengait kepala ditarikan dan banyak lagi bentuk *sumazau* lain. Semua tarian ritual yang ditarikan oleh *bobohizan* dalam Upacara *Magang* dipandang kudus kerana etnik Kadazan percaya bahawa yang menari bukanlah manusia namun adalah semangat tertentu. Melalui upacara yang penuh dengan adat ini juga kita dapati etnik Kadazan berpegang teguh kepada pandangan dunia mereka yang menekankan keharmonian antara semangat di alam ghaib dengan manusia di alam nyata.

Selain Upacara *Magang*, Upacara *Monogit* adalah satu lagi upacara yang signifikan dalam kehidupan etnik Kadazan di Penampang. Dalam bahasa Kadazan, kata *monogit* bermaksud “membayar pampasan”, “menebus” dan “meneutralkan” (*neutralise*). Kata *monogit* berkait dengan kata *osogit* yang bermaksud “sejuk” dan *sogit* yang bererti “membayar pampasan bagi meyejukkan keadaan” (Pugh-Kitingan et al. 2011). Sebagaimana yang telah penulis jelaskan sebelum ini, etnik Kadazan sangat pentingkan keseimbangan antara keadaan *ahasu* (panas) dan *osogit* (sejuk). Keadaan *ahasu* yang berpunca daripada semangat yang tersinggung akan membawa masalah dan penyakit dalam komuniti mereka. Oleh itu ia harus disejukkan melalui *sogit*. Berdasarkan kepercayaan inilah Upacara *Monogit* diadakan.

Pada masa dahulu, Upacara *Monogit* bertujuan mengimbangi hubungan antara manusia dengan semangat baik (termasuk semangat padi) agar ‘mereka’ tidak pergi ke tempat lain justeru memastikan tanaman mereka subur dan petani sekeluarga sihat sejahtera. Pada masa sekarang, upacara ini dijalankan pada peringkat keluarga sahaja (Pugh-Kitingan et al. 2011). Objektif utama upacara dalam konteks keluarga ini adalah bagi memastikan *miotong*, iaitu semangat rumah berada dalam keadaan tenteram.

Sajian khas yang dikenali sebagai *pamanta* akan disaji kepada semangat dalam beberapa segmen bermula daripada segmen menyeru dan membangunkan semangat sampailah ke segmen menjemput semangat menikmati sajian yang disediakan. Sepanjang upacara, paluan gendang, *sompogogunan* dan perlafazan *rinait* oleh *bobohizan* berterusan. Paluan gendang dan *sompogogunan* dipercayai dapat menghubungkan manusia dengan semangat di alam ghaib. Perlafazan *rinait* pula adalah satu amalan mistik yang membantu *bobohizan* ke alam ghaib agar ia dapat berkomunikasi dan berunding dengan semangat jahat yang mengganggu manusia. Dalam konteks hubungan antara *sumazau*

dengan segmen Upacara *Monogit*, Hanafi Hussin (2008) menjelaskan:

The *pamanta* offering is also done following a process and sequences while the *bobohizan* dances the *sumazau* in a special manner which is *magampa* (grouping of the sick), *mundang* (feast preparation), *pasasazau do miontong* (serving of the dish), *hoputan* (sending back of the spirit), and *monoinig* (grouping of the spirit that left). At that particular time, the *bobohizan* doing the *sumazau* would seem to be in a trance or is possessed (*nosuang*) by the *miontong* when her body movements become very strong, full of energy and unusual. At this time all the good and bad spirits are believed to be invited by the *miontong*, which is the highlight of the ritual.

Berdasarkan penjelasan Hanafi Hussin (2008) di atas, dapat kita katakan di sini bahawa Upacara *Monogit* dikendalikan dengan begitu kompleks dan serius kerana manusia ingin berunding dengan semangat, yang dalam kepercayaan etnik Kadazan telah menyebabkan seseorang sakit atau ditimpa masalah dalam hidupnya. Dalam konteks ini, paluan *gandang* dan *sompogogunan* berperanan sebagai tanda isyarat yang mampu menjemput semangat untuk menyertai Upacara *Monogit*. Ketika *bobohizan sumazau* (menari), perbuatan sakral ini melambangkan *bobohizan* sedang menjamu sajian serta menghiburkan semangat yang berada di situ. Semua ini merupakan tanda bahawa semangat telah menerima dan puas hati dengan segala yang dilakukan oleh manusia. Sehubungan itu, Hanafi Hussin (2006) mencatatkan bahawa atas sebab berpuas hati dengan sajian (*pamanta*), muzik dan tarian tersebut, semangat akan memulangkan semua roh manusia yang dilarikan oleh mereka. Oleh hal yang demikian, segala penyakit dapat dipulihkan.

*Sumazau ritual* turut signifikan dalam Upacara *Magavau* yang diadakan selepas etnik Kadazan selesai menuai padi. Upacara ini bertujuan memulihkan semangat padi yang dipercayai mungkin terancam ketika aktiviti menuai padi dijalankan. Sekali lagi, kami dapati upacara ini berkait dengan satu daripada mitos Kadazandusun, yang mengisahkan bahawa semangat padi berasal daripada pengorbanan Huminodun, iaitu puteri tunggal Kinoingan (Pencipta Kadazandusun). Beberapa orang informan dalam kajian ini turut memberitahu bahawa *bambarayon* juga berperanan menjaga pohon padi mereka.

Sehubungan Upacara *Magavau*, kami berkesempatan menjalankan pemerhatian secara langsung atas upacara ini yang dikendalikan oleh sekumpulan *bobohizan* sempena perayaan Pesta Kaamatan (Pesta Menuai) di Dewan Persatuan Kebudayaan Kadazandusun, Penampang pada 31 Mei 2012. Semasa mengendalikan upacara ini, *bobohizan* akan memilih dan menuai tujuh tangkai padi di sawah. Ketujuh-tujuh tangkai padi berkenaan akan disisip di *tangkob* (tempat mengisis padi yang dituai). Upacara *Magavau* yang kami perhatikan terdiri daripada tujuh orang *bobohizan* wanita. Mereka dipimpin oleh seorang *bobohizan* lelaki yang memegang sebilah pedang

di hadapan dan diiringi oleh tiga orang *bobohizan* lelaki. Kesemua *bobohizan* ini memakai kostum tradisional etnik Kadazan Penampang. Sedang *rinait* dilafazkan, kumpulan *bobohizan* ini memegang bahu satu sama lain dan menari-nari mengelilingi *tangkob* padi. Upacara ini dikendalikan selama kira-kira sepuluh minit. Ketika ditemu bual, *bobohizan* yang memegang pedang memberitahu penulis bahawa pada masa kini mereka masih mengendalikan Upacara *Magavau* yang sedemikian atas permintaan sesetengah petani di kampung mereka.

Lasimbang et al. (2002) dalam kajian atas *bobohizan* di Penampang membekalkan *rinait* yang dibaca oleh *bobohizan* seperti berikut:

Kodim-kodimon ku no  
 Bambaazon di notimpan  
 Kodim-kodimon ku no  
 Andavi do paai za  
 Tohuo titot no i zindud  
 Nikoton i' do kinodim  
 Mongiak no i paai haid  
 Nikotok do paai vagu.

(Terjemahan konteks: Saya perintahkan semangat padi yang terjat di sana. Jelapang ini dipenuhi dengan semangat padi, melimpah-limpah kerana semangat padi telah pulang ke rumah. Padi lama yang dituai pada tahun lalu bergembira atas kepulungan kalian (semangat padi). Mereka terlalu gembira atas kepulungan kalian.)

*Rinait* dalam koleksi Lasimbang (2002) di atas membayangkan bahawa terdapat semangat padi yang terancam akibat aktiviti menuai padi yang telah dijalankan. *Rinait* ini turut membayangkan bahawa semangat padi bertanggungjawab menjaga pohon padi dan memastikan petani memperoleh hasil tuaian yang lumayan. Bagaimanapun, tanggungjawab ini hanya dapat dilakukan jika semangat padi dijemput ke jelapang padi atau ke sawah. Menjemput *bambarayon* adalah kepakaran *bobohizan*, yang melalui pembacaan *rinait* secara khususnya akan menjemput semangat padi ke sawah mereka. *Rinait* dan Upacara *Magavau* seperti ini menonjolkan kepercayaan orang Kadazandusun terhadap semangat padi yang sudah sekian lama tertanam dalam jiwa mereka.

Dalam konteks perkaitan antara *sazau* (tarian) Penampang dengan upacara, dapat kita simpulkan di sini bahawa terdapat dua konteks yang berbeza, yakni pertama, *bobohizan* yang *sumazau* (menari) dalam keadaan menurun dan kedua, *bobohizan* dan para tetamu yang menarikan *Sumazau* Penampang selepas sesuatu upacara dikendalikan. Dalam konteks Upacara *Madudivato* dan beberapa upacara lain, *sazau* yang ditarikan *bobohizan* dipercayai telah dipimpin oleh semangat baik yang turun ke tubuhnya. Situasi sedemikian boleh dilihat sebagai *sazau* dan upacara melambangkan semangat telah berinteraksi dengan manusia. Pada etnik Kadazan Penampang, *sazau* yang ditarikan dalam upacara seperti ini juga dikenali sebagai *kuminod*, yang bermaksud tarian yang ditarikan untuk semangat di alam ghaib. Dalam

konteks upacara sedemikian, boleh dikatakan *sazau* berfungsi sebagai alat perhubungan antara semangat di alam ghaib dengan manusia di alam nyata. Seperkara lagi yang dapat kita perhatikan di sini adalah banyak upacara etnik Kadazan di Penampang bersabit dengan kegiatan pertanian, khususnya penanaman padi. Hal ini disebabkan kepercayaan turun-temurun mereka terhadap semangat padi adalah begitu kuat sekali.

#### SAZAU PAPAR DALAM KONTEKS RITUAL

Bagi membincangkan perkaitan antara *sazau* dengan pandangan dunia dan ritual etnik Kadazan di Daerah Papar; Upacara *Madsuwau*, Upacara *Monogit* dan Upacara *Gumazad* akan dipilih. Upacara *Madsuwau* adalah upacara pemujaan semangat *dapu* atau *tajau* (tempayan), yang dipercayai mempunyai semangat yang harus dipelihara, disembah dan diberi makan supaya semangat berkenaan tidak akan marah dan memudaratkan orang yang memeliharanya. Menurut informan di Papar, ketika ada keluarga si penyimpan *dapu* terkena penyakit, yang menurut *bobohizan* berpunca daripada semangat *dapu*, maka akan dikendalikan upacara pemujaan semangat *dapu*. Menurut beberapa orang informan di Papar, semua bentuk pemujaan *dapu* akan dibuat melalui tarian dengan alunan muzik yang mengiringinya. Upacara *Madsuwau* ini berjalan selama tujuh hari, sejak dari malam pertama hinggalah ke malam ketujuh, ketujuh-tujuh orang *bobohizan* akan membaca *rinait* (puisi ritual) berterusan sepanjang malam sehinggalah pada malam yang ketujuh. Pada siang hari yang ketujuh, upacara membaca *rinait* pun berakhir. Semua *dapu* yang telah dikeluarkan sebelum ini akan disimpan di tempat asalnya.

Pada sebelah pagi, tuan rumah akan memotong seekor kerbau untuk menjamu tetamu dan *bobohizan* yang menjalankan upacara, kemudian para *bobohizan* akan menyembah *dapu-dapu* sambil memohon kemaafan daripada semangat. Semua upacara penyembahan ini akan dilakukan dalam bentuk tarian, yang disebut oleh informan sebagai *Sazau Bobohizan*. Hal ini disebabkan *bobohizan* yang sedang dalam keadaan menurun akan menarikannya. Persembahan *Sazau Papar* dalam konteks ini diiringi dengan muzik yang terdiri daripada gong sebanyak tujuh buah, sepasang kulintangan dan sebuah gendang (Informan: Malim bin Maiting dan rakan). Sebagai perbandingan dengan alat muzik yang digunakan dalam upacara etnik Kadazan di Penampang, etnik Kadazan di Papar turut percaya bahawa paluan gendang, gong dan kulintangan berperanan memanggil dan membangunkan semangat di alam ghaib agar mereka menyertai upacara yang bakal dijalankan. Kesemua alat muzik tradisional ini adalah perkakas yang wajib bagi membantu sesuatu upacara yang dikendalikan oleh *bobohizan*. Tanpa paluan gendang, gong dan kulintangan maka sesuatu upacara tidak dapat dijalankan kerana etnik



Kadazan percaya bahawa semangat di alam ghaib harus dipanggil dan dibangunkan terlebih dahulu.

Jika diamati, Upacara *Madsuwau* berhubung rapat dengan peranan penting *dapu* (tempayan) dalam kehidupan etnik Kadazan. Informan memberitahu bahawa pada masa dahulu, setiap keluarga etnik Kadazan di kampungnya sekurang-kurangnya memiliki sebuah *dapu*. Dari segi kegunaannya, *dapu* digunakan untuk menyimpan air dan memproses pelbagai jenis minuman keras tradisional, khususnya tapai padi. *Dapu* juga dijadikan sebahagian daripada hantaran kahwin dan ada kalanya dijadikan bahan denda dalam Mahkamah Anak Negeri (Phelan 2005). Terdapat sesetengah keluarga Kadazandusun yang menyimpan tengkorak manusia di dalam *dapu* besar. Atas sebab *dapu* yang berasal dari China telah digunakan oleh masyarakat peribumi di Sabah selama beberapa ratus tahun maka terdapat sesetengah antaranya dipercayai didiami semangat tertentu. Hal ini berkait dengan kepercayaan etnik Kadazan bahawa semangat terdapat di mana-mana sahaja, terutama sekali objek yang kelihatan luar biasa seperti *dapu* lama. Dengan kepercayaan yang sedemikian, maka tidak hairanlah mengapa etnik Kadazan di Papar mengendalikan Upacara *Madsuwau*.

Upacara *Monogit* diadakan ketika selesainya kerja-kerja membuang rumput di sawah. Tujuannya adalah untuk membayar *sogit* (pampasan) kepada semangat padi yang tercedera ketika kerja membuang rumput. Upacara ini dikendalikan oleh tujuh orang *bobohizan*. Mereka akan memasang bendera putih di hadapan rumah di arah matahari terbit sambil membaca *rinait* (puisi ritual) sepanjang hari. Setelah upacara membaca *rinait* ini selesai, maka sajian yang disediakan tadi akan disajikan kepada semangat padi dengan seekor ayam yang telah disembelih. Sebaik sahaja pelafazan *rinait* selesai maka semua *bobohizan* tadi akan mencari pasangannya “bersazau”. Pasangan penari *bobohizan* terdiri daripada lelaki yang lebih tua daripada mereka. Seterusnya mereka akan “bersazau” sebanyak tujuh kali mengelilingi pondok *badat* (sebuah pondok yang dibina khas untuk upacara). Langkah dan gerak kaki mereka kelihatan seperti orang sedang mengirik padi daripada tangkainya. Selepas *bobohizan* “bersazau” sebanyak tujuh kali mengelilingi balai *badat*, barulah sesi menari dibuka kepada umum. *Sazau* yang ditarikan dalam upacara ini disebut juga dengan nama Sazau *Monogit* (Informan: Malim bin Maiting dan rakan). Dalam konteks upacara *Monogit* ini, *sazau* yang ditarikan semasa *bobohizan* dalam keadaan menurun adalah dipandang kudus oleh etnik Kadazan. Seperti dengan upacara yang dikendalikan oleh etnik Kadazan di Penampang, *sazau* yang ditarikan oleh *bobohizan* dalam upacara *Monogit* turut mengesahkan kehadiran semangat dalam tubuh *bobohizan*. Memandangkan tujuan upacara ini adalah membayar *sogit* (pampasan) kepada semangat padi maka secara tersiratnya upacara ini berkait rapat dengan kepercayaan etnik Kadazan bahawa perasaan semangat padi harus dijaga, jika mereka tersinggung

atau berasa terancam maka mereka akan meninggalkan tempat berkenaan justeru menyebabkan hasil padi mereka terjejas kelak. Sebagai perbandingan, segmen Upacara *Monogit* di Penampang yang dibincangkan sebelum ini berbeza dengan segmen Upacara *Monogit* di Papar kerana kedua-duanya mempunyai tujuan yang berlainan. Namun *sazau* yang ditarikan oleh *bobohizan* dalam kedua-dua upacara menandakan kehadiran semangat yang dijemput dan merupakan tarian kudus belaka.

Upacara *Gumazad* pula diadakan untuk menghalau hantu dari rumah baharu yang akan didiami penghuninya. Ketika pembacaan *rinait* (puisi ritual) telah selesai dan *bobohizan* telah menyimpan hidangan yang menjadi sajian kepada semangat rumah baharu; *bobohizan* (wanita) akan mencari pasangan lelakinya bagi memulakan tarian yang dikenali sebagai Sazau *Gumazad*. Sazau *Gumazad* akan bermula di bilik rumah baharu. Dari bilik inilah mereka akan secara beransur-ansur bergerak ke luar rumah. Setiap lelaki yang menjadi pasangan *bobohizan* akan memegang sebilah *gayang* (pedang) yang sedia terhunus. Perbuatan *bobohizan* menetak kayu dengan pedang sambil memekik dengan kuatnya bertujuan menakutkan hantu-hantu di rumah baharu. Dengan berbuat demikian, mereka percaya semangat jahat di rumah baharu akan melenyapkan diri dari rumah tersebut. Seperkara yang dapat kita perhatikan dalam upacara ini adalah pedang sebagai senjata telah digunakan. Memandangkan tujuan upacara ini adalah membersihkan rumah baharu daripada semangat jahat maka pedang yang ditetak dan pekikan kuat daripada pengamal upacara secara simboliknya bermaksud semangat jahat telah ditakuti dan akan meninggalkan rumah baharu. Semua ini telah berlaku dalam satu keadaan yang simbolik namun berhubung rapat dengan pandangan dunia dan kepercayaan etnik Kadazan di Papar. Tambahan pula, tetamu yang menarik Sazau Papar secara beramai-ramai selepas upacara *Gumazad* selesai melambangkan bahawa para tetamu sedang meraikan satu kejayaan, yakni semangat jahat telah dihalau keluar dari rumah baharu.

Seterusnya, informan di Papar memberitahu bahawa secara turun-temurun, *sazau ritual* Papar kelihatan sempurna dan bertenaga kerana ditarikan oleh *bobohizan* yang berilmu dan berpengalaman. Namun pada masa ini, terdapat dua jenis *sazau*, iaitu Sazau *Bobohizan* dan Sazau Biasa. Menurut Malim bin Maiting dan beberapa orang informan Papar lain, Sazau *Bobohizan* adalah Sazau asli yang ditarikan dalam upacara dan Sazau Biasa ditarikan dalam majlis keramaian seperti “Pesta Kaamatan”. Jika diteliti, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara Sazau *Bobohizan* dan Sazau Biasa. Pada dasarnya, ragam gerak Sazau Biasa yang dipersembahkan dalam majlis keramaian adalah berasal daripada ragam gerak tarian Sazau *Bobohizan*.

Dalam pemerhatian pengkaji, walaupun banyak gaya Sazau Biasa telah diubah suai berdasarkan kreativiti kumpulan penari pada masa ini dari segi pergerakan tangan yang diangkat ke paras pinggang

dan pergerakan kaki yang bersilang-silang, namun ragam gerak sedemikian adalah ragam gerak Sazau *Bobohizan* jua. Sazau Biasa tidak mempunyai pantangan semasa ditarikan berbanding dengan Sazau *Bobohizan*, yakni penari-penari Sazau *Bobohizan* menari dalam keadaan menurun kerana tarian tersebut bersabit dengan upacara. Selain itu, Sazau *Bobohizan* yang ditarikan oleh *bobohizan* tidak mempunyai pola lantai yang khusus, berbanding dengan Sazau Biasa yang ditarikan dengan berpandukan pola lantai.

Sebagai perbandingan dengan konteks upacara di Penampang, dapat kita simpulkan di sini bahawa dalam Sazau Papar turut terdapat dua konteks yang berbeza, yakni pertama, *bobohizan* yang menari dalam keadaan menurun dan kedua, para tetamu yang menari selepas selesainya sesuatu upacara. Dalam kedua-dua konteks ini, Sazau Papar yang ditarikan adalah bersifat kudus dan berhubung rapat dengan pandangan dunia dan kepercayaan turun-temurun etnik Kadazan. Melalui upacara yang melibatkan *sazau* inilah etnik Kadazan di Papar berhubung dan berkomunikasi dengan semangat di alam ghaib.

#### SUMAZAU PAINA MEMBAKUT DALAM KONTEKS RITUAL

Sumazau Paina Membakut didapati turut berperanan dalam upacara pemujaan semangat dalam kalangan etnik Kadazan di Membakut. Dalam kajian ini, dua upacara utama yang melibatkan Sumazau Paina dikenal pasti. Upacara-upacara yang dimaksudkan ialah Upacara *Paina* dan Upacara *Barasik*. Beberapa orang informan dalam kajian ini memberitahu bahawa Upacara *Paina* diadakan bagi tujuan memberitahu semangat padi bahawa penuaian padi telah selesai. Dengan kata lain, upacara ini diadakan selepas selesainya penuaian padi, diikuti dengan satu majlis keramaian dalam kalangan petani yang bersama-sama makan, minum dan menari beramai-ramai.

Dalam Upacara *Paina*, *bobohizan* akan meminta tetamu yang hadir di upacara berkenaan untuk meniup *kungkuvak* (seruling batang padi). Ketika *kungkuvak* ditiup, suasana menjadi riuh dan para hadirin kelihatan riang. Kemudian *bobohizan* pun mengumpul padi yang tangkainya diambil untuk membuat *kungkuvak* dan dimasukkan ke dalam *ketawai* (tempat menyimpan padi). Setelah semua buah padi dimasukkan ke dalam *ketawai*, maka diadakanlah Upacara *Paina* selama tiga hari berturut-turut bagi mengucapkan rasa terima kasih kepada semangat padi kerana telah memberikan hasil padi yang lumayan. Setelah *bobohizan* selesai mengendalikan semua upacara pemujaan semangat padi, maka tuan rumah etnik Kadazan di Membakut, yang berperanan sebagai Ketua Adat Paina harus menyediakan satu set alat muzik yang terdiri daripada kulintangan, gong, canang dan gendang untuk dipalu dalam sesi Sumazau Paina.

Lumrahnya, sesi Sumazau Paina akan dimulakan dengan seorang penari lelaki yang melambangkan “si suami yang gagah” dan tujuh orang wanita sebagai lambang “*bambaazon*” (semangat padi). Menurut informan Membakut, ragam gerak tangan Sumazau Paina diilhamkan daripada gaya penerbangan burung helang yang gagah. Dalam konteks ini, kita boleh kaitkan ragam gerak gaya penerbangan burung helang seperti ini dengan lambang kegagahan “si suami” atau si lelaki. Manakala tujuh orang penari wanita pula melambangkan tujuh *bambaazon* (semangat padi). Jika diamati, semangat padi dalam kepercayaan etnik Kadazan biasanya dijelmakan dalam bentuk wanita. Hal ini berkait rapat dengan mitos Kadazandusun yang mengisahkan semangat padi adalah berasal daripada darah anak perempuan Kinoingan (Pencipta), iaitu Huminudon yang dikorbankan lalu terjadilah pelbagai jenis padi sebagai makanan ruji manusia. Selepas Sumazau Paina yang ada kaitan dengan lambang “kegagahan” dan “semangat padi” selesai, barulah orang ramai akan memeriahkan suasana dan turut serta dalam sesi Sumazau Paina terbuka. Dalam sesi Sumazau Paina terbuka ini maka orang ramai akan menarikan Sumazau Paina secara bebas sambil memeriahkan suasana. Dalam konteks sedemikian, kita boleh katakan tarian Sumazau Paina bermula dengan satu lambang yang kudus, yakni seorang wira yang gagah ditemani tujuh orang wanita yang melambangkan tujuh semangat padi. Apabila majlis Sumazau Paina dibuka kepada tetamu yang hadir, perbuatan sedemikian adalah bagi meraikan tuaian yang lumayan.

Upacara *Barasik* pula diadakan bagi tujuan mengubati penyakit seseorang yang dipercayai akibat daripada angkara semangat jahat. Dalam mengendalikan Upacara *Barasik*, terlebih dahulu tuan rumah upacara akan menyediakan sebuah *sangkuban* (sebuah pondok kecil yang diperbuat daripada daun kelapa dan mayang kelapa di tengah-tengah ruang rumah). Dalam upacara ini, seorang *bobohizan* (wanita) yang ditemani seorang *malim* (pembantu *bobohizan* lelaki) akan mula membaca-baca *rinait* sambil mengelilingi *sangkuban*. Kemudian dalam keadaan menurun, *bobohizan* berkenaan bergoyang-goyang dipimpin oleh paluan alat muzik tradisional yang terdiri daripada sebuah gendang, dua buah canang, dua buah gong dan satu set kulintangan (Informan: Pirin Intang dan rakan). Paluan *ensemble* alat muzik dalam Sumazau *Barasik* adalah lebih laju daripada *ensemble* alat muzik dalam Sumazau Paina. Kedua-dua paluan *ensemble* dipercayai berperanan bagi membangkitkan semangat di alam ghaib. Dalam keadaan menurun inilah *bobohizan* terbabit dikatakan telah menari. Maka tarian upacara ini juga dipanggil orang sebagai Sumazau *Barasik*. Menurut informan lagi, upacara ini akan selesai ketika *bobohizan* yang dalam keadaan menurun sambil menari-nari mendapati semangat yang menyebabkan penyakit telah dipujuk dan meninggalkan tubuh si pesakit.

Sebagai perbandingan dengan konteks upacara di Penampang dan Papar, sekali lagi dapat kita simpulkan di

sini bahawa turut terdapat dua konteks yang melibatkan tarian rakyat etnik Kadazan di Membakut, yakni pertama, *bobohizan* yang menari dalam keadaan menurun dan kedua, para tetamu yang menari selepas sesuatu majlis upacara. Seperkara lagi yang dapat kita perhatikan di sini adalah upacara etnik Kadazan di Membakut turut melibatkan tarian yang bersabit dengan pandangan dunia dan kepercayaan turun-temurun mereka, yakni betapa pentingnya keharmonian antara alam ghaib dan alam manusia. Jika keharmonian antara alam ghaib dan alam manusia dijaga dengan baik maka mereka tidak ditimpa malang, jatuh sakit, dan hasil tuaian padi mereka lumayan.

#### RUMUSAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa upacara turun-temurun etnik Kadazan berasal daripada kepercayaan mereka terhadap pelbagai jenis semangat, iaitu semangat padi, *divato* (semangat pembantu *bobohizan*), *miotong* (semangat rumah), *rogon* (semangat jahat) dan banyak lagi semangat lain. Kepercayaan mereka yang sedemikian berkait rapat dengan pandangan dunia yang berkonsepkan kerharmonian antara alam ghaib dan alam manusia. Dalam konteks ini, etnik Kadazan berpegang teguh kepada konsep *ahasu* (panas) dan *osogit* (sejuk). Keadaan *ahasu* yang tidak baik harus diimbangi dengan *osogit* (sejuk). Sehubungan itu, mereka bergantung kepada perkhidmatan *bobohizan* (pakar upacara) bagi menghubungi semangat di alam ghaib dalam mengubati penyakit, menjamin kesuburan tanaman dan menyelesaikan pelbagai masalah hidup lain. Ketika *bobohizan* dalam keadaan menurun, tubuh mereka akan bergoyang-goyang dan bergerak-gerak. Kelakuan sedemikian dianggap oleh etnik Kadazan sebagai *sumazau* (menari), yang secara simboliknya menunjukkan *bobohizan* sedang menjemput, memberikan sajian atau berunding dengan semangat di alam ghaib. *Sazau* (tarian) dalam keadaan yang sedemikian dianggap kudus selain mengesahkan kehadiran semangat dalam sesuatu upacara.

Seperkara lagi yang ingin ditonjolkan di sini adalah ragam gerak ketiga-tiga tarian yang dipersembahkan dalam upacara akhirnya diubah suai dan diperkembangkan menjadi Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut yang ditarikan di majlis keramaian pada masa ini. Yang nyata, fungsi persembahan ketiga-tiga jenis tarian upacara di majlis keramaian atau di majlis rasmi lain telah berubah daripada fungsi upacara yang kudus kepada fungsi hiburan yang memeriahkan majlis.

#### RUJUKAN

- Evans, I.H.N. 1953. *The Religions of the Tempasuk Dusuns in North Borneo*. London: The Cambridge University Press.
- Hanafi Hussin. 2003. Bobohizan dan Peranannya di kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang Sabah. *Journal of Southeast Asian Studies* 8 (Disember): 15-40.
- \_\_\_\_\_. 2006. Seni persembahan sebagai perkakasan ritual penguatan: Paluan Gandang dan Tari Sumazau dalam Ritual Monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah. *Journal of Southeast Asian Studies* 11 (December): 1-19.
- \_\_\_\_\_. 2007. Worldview dan amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang. *Borneo Research Journal* 1(1): 7-29.
- \_\_\_\_\_. 2008. Performing rice farming rituals by Penampang Kadazan of East Malaysia: Between sacred ritual and secular performance. *Journal of Southeast Asian Studies* 13 (Disember): 173-197.
- Hurlbut, H. 1986. Traditional beliefs of the Eastern (Labuk) Kadazan people. *Sabah Museum and Archives Journal* 1(1): 111-171.
- Ismail Abbas & Shaong, C. 1984. *Tarian-Tarian Tradisional Sabah*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Jiheh Haji Basanu. 1987. Penganalisaan Kepercayaan, Sosio-budaya dan Hukum Adat Masyarakat Dusun di Sabah. Dlm. *Modul Agama dan Masyarakat*, disunting oleh Wazir Jahan Karim. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- \_\_\_\_\_. *Kamus Kadazan Dusun Malay-English*. 1995. Kota Kinabalu: Kadazan Dusun Cultural Association.
- Lasimbang, R. 2002. Exploring the Art of the Bobohizan – Keeper of Kadazan Rituals and Chants. *Borneo Research Council 7<sup>th</sup> Biennial International Conference*, Universiti Malaysia Sabah, 15-18 Julai, Kota Kinabalu.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah: 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Aina Dani. 1999. *Sumazau: Antara Dongeng, Makna dan Pemikiran*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Putera Malaysia.
- Phelan, P. 2001. *Head-hunting and the Magang Ceremony in Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- \_\_\_\_\_. 2005. *Comparison: Sabah Local Customs and the Bible*. Kota Kinabalu: Brother Peter Phelan.
- Pugh-Kitingan, J., Hanafi Hussin & Judeth John Baptist. 2011. Music in the Monogit rituals of the Kadazan of Penampang, Sabah, Malaysia. *Musika Journal* (7): 123-154.
- Reid, A. 1997. Endangered Identity: Kadazan or Dusun in Sabah. *Journal of Southeast Asian Studies* 28(Mac): 120-136.
- Rutter, O. 1929. *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson.
- Topin, B. 1981. Some Aspects of the Kadazan Dusun Culture. *Kadazan Cultural Association 2<sup>nd</sup> Delegates Conference*, 5-6 Disember, Kota Kinabalu.

- Toru Ueda. 2006. Pembinaan dan Perkembangan Konsep Native di Borneo Utara pada Zaman Kolonial. *Akademika* 68(1): 65-89.
- Williams, T. R. 1965. *The Dusun: A North Borneo Society*. London: Holt, Rinehart & Winston.

Low Kok On (corresponding author)  
Unit Penyelidikan Warisan Borneo  
Universiti Malaysia Sabah  
E-mail: lowkokon@ums.edu.my

Sri Ningsih  
Sekolah Pengajian Seni  
Universiti Malaysia Sabah.  
E-mail: ningsih\_ums@yahoo.com

Received: 17 October 2013  
Accepted: 22 November 2013

LAMPIRAN 1: SENARAI INFORMAN

LAMPIRAN 1.1. Senarai Informan Daerah Penampang

| Bil. | Informan               | Umur     | Jantina   | Tempat                | Pekerjaan                  |
|------|------------------------|----------|-----------|-----------------------|----------------------------|
| 1.   | Inai Tubong Jiantan    | 77 tahun | Perempuan | Kampung Kuai Kandazon | Petani                     |
| 2.   | Ama Dousia Moujing     | 78 tahun | Lelaki    | Kampung Kuai Kandazon | Petani                     |
| 3.   | Juliana Madin          | 73 tahun | Perempuan | Kampung Limbanak      | Petani                     |
| 4.   | Donny Ng               | 30 tahun | Lelaki    | Pekan Dongongon       | Pengetua Monsopiaad (2008) |
| 5.   | OKK Chris H. Mojungkim | 60 tahun | Lelaki    | Pekan Dongongon       | Ketua Anak Negeri          |

LAMPIRAN 1.2. Senarai Informan Daerah Papar

| Bil. | Informan                                | Umur     | Jantina   | Tempat           | Pekerjaan                         |
|------|---|----------|-----------|------------------|-----------------------------------|
| 1.   | Malim bin Maiting                       | 52 tahun | Lelaki    | Kampung Kawari   | Pengerusi Kebudayaan Daerah Papar |
| 2.   | Lunjin Matinjan                         | 62 tahun | Perempuan | Kampung Kawari   | Pemuzik, penyanyi                 |
| 3.   | Tetaim                                  | 74 tahun | Perempuan | Kampung Kawari   | Penari, <i>Bobohizan</i>          |
| 4.   | Jinuin Marius                           | 63 tahun | Perempuan | Kampung Sipudu   | <i>Bobohizan</i>                  |
| 5.   | Rubiah                                  | 43 tahun | Perempuan | Kampung Kawari   | Pemuzik, Penari                   |
| 6.   | Kazim                                   | 60 tahun | Perempuan | Kampung Kawari   | <i>Bobohizan</i>                  |
| 7.   | Matimangun                              | 52 tahun | Perempuan | Kampung Kawari   | Pemuzik                           |
| 8.   | Maria binti Theus                       | 47 tahun | Perempuan | Kampung Kawari   | Petani                            |
| 9.   | Muna binti Nuladi<br>(pemuzik canang 1) | 40 tahun | Perempuan | Kampung Nangalau | Petani                            |
| 10.  | Julian Bimbam                           | 51 tahun | Lelaki    | Kampung Kawari   | Petani                            |
| 11.  | Muzim Bimuanus                          | 65 tahun | Lelaki    | Kampung Kawari   | Petani                            |

LAMPIRAN 1.3. Senarai Informan Daerah kecil Membakut

| Bil. | Informan                            | Umur     | Jantina   | Tempat            | Pekerjaan                                   |
|------|-------------------------------------|----------|-----------|-------------------|---|
| 1.   | George K. Antim                     | 53 tahun | Lelaki    | Pekan Membakut    | Pengerusi Badan Penyelaras<br>KDCA Membakut |
| 2.   | Robit bin Awang                     | 53 tahun | Lelaki    | Pekan Membakut    | Ketua Anak Negeri Membakut                  |
| 3.   | Jawin bin Aji                       | 61 tahun | Lelaki    | Kampung Piasau    | Wakil Ketua Anak Negeri                     |
| 4.   | Noni binti Pansiol                  | 52 tahun | Perempuan | Pekan Membakut    | Wakil Ketua Anak Negeri                     |
| 5.   | Pitin binti Junah                   | 59 tahun | Perempuan | Kampung Limadang  | Ketua Kampung Limadang                      |
| 6.   | Pirin bin Intang                    | 71 tahun | Lelaki    | Kampung Dungau    | Ketua Kampung Dungau                        |
| 7.   | Antius Enggo                        | 62 tahun | Lelaki    | Kampung Tangkapan | Ketua Kampung Tangkapan                     |
| 8.   | Suani Jwee Musi                     | 57 tahun | Perempuan | Kampung Sindok    | Ketua Kampung Sindok                        |
| 9.   | Kunis @ Cone<br>Lawrence Balingkong | 40 tahun | Perempuan | Pekan Membakut    | Ketua Kampung                               |
| 10.  | Asnah @ Rita Bte Joking             | 58 tahun | Perempuan | Kampung Bandau    | Ketua Kampung Bandau                        |
| 11.  | Luziana Alus                        | 52 tahun | Perempuan | Kampung Bawan     | Ketua Kampung Bawan                         |
| 12.  | Salimat Galunu                      | 60 tahun | Lelaki    | Kampung Limat     | Ketua Kampung Limat                         |
| 13.  | Hasnal Juking                       | 59 tahun | Perempuan | Kampung Tamoi     | Ketua Kampung Tamoi                         |

